

Bush cuba reda kemarahan umat Islam terhadap Pope Benedict

Um - 20/9/2006

NEW YORK 19 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush cuba meredakan kemarahan umat Islam terhadap kenyataan yang dibuat oleh Pope Benedict XVI (gambar) mengenai agama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w.

Bush menyatakan isu tersebut se-

masa pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

"Presiden menyatakan bahawa Pope telah membuat kenyataan maaf berhubung kenyataannya dan Presiden percaya bahawa Pope ikhlas dalam semua kenyataannya," kata Pengarah

bagi Hal Ehwal Asia Majlis Keselamatan Negara, Dennis Wilder semasa taklimat mengenai pertemuan itu kepada para pemberita di sini.

Pope Benedict telah menyatakan beliau amat menyesal kerana melukakan perasaan umat Islam dengan membuat rujukan terhadap teks zaman per-

tengahan yang menggambarkan ajaran agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad sebagai "jahat dan tidak berperikemanusiaan."

Kenyataan itu mencetuskan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Abdullah menuntut Benedict menarik balik kenyataan dan tidak "mengam-

bil mudah kemarahan yang semakin merebak akibat kenyataannya."

Dalam pada itu, Imam Besar Masjid Rom, Sami Salem berkata, tindakan Pope Benedict meminta maaf membuka laluan bagi dialog baru antara agama.